



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Minit Mesyuarat JMB MC Amansiara (2022/007)

Tarikh : 13hb Jun 2022

Tempat : Bilik Mesyuarat, Pejabat Pengurusan

Masa / Hari : 8.30pm / Isnin



Hadir:

1. Ramesh Sandiran (Pengerusi)
2. Michael Jude (Setiausaha)
3. Lim Soon Cheong

(Atas talian)

4. Wan Muhammad Khairul Anwar bin Ibrahim (Bendahari)
5. Ng Wai Ket
6. Soo Han Wei

Tidak Hadir Dengan Sebab:

1. Kuah Poh Wei

AGENDA

- (1) Perbincangan Isu Kebocoran Bumbung di Fasa 2, Taman Amansiara.
- (2) Isu Berbangkit.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my



PERMULAAN

Encik Ramesh memulakan mesyuarat pada jam 8.30 malam bersama dengan tiga (3) anggota jawatankuasa atas talian yang bertugas di luar kawasan bandar.

PERBINCANGAN

1. Isu Kebocoran Bumbung

Encik Ramesh merujuk kembali Minit Mesyuarat Anggota Jawatankuasa pada 12 Mac 2022 berkaitan isu bumbung bocor. Dalam mesyuarat tersebut, satu ketetapan telah dibuat dengan undian majority seperti berikut: -

1. Anggota jawatankuasa bersetuju melantik Dynaspec Sdn Bhd sebagai kontraktor dalam isu pertukaran bumbung dengan harga tidak melebihi RM7,800.00 setiap unit terlibat.

Dalam mesyuarat tersebut, pihak Dynaspec Sdn Bhd mencadangkan kepada anggota jawatankuasa untuk cuba melakukan tuntutan insurans berdasarkan kategori "storm tempest" terlebih dahulu. Dynaspec Sdn Bhd akan berhubung dengan syarikat insurans, Tokio Marine Insurance (Malaysia) Berhad dalam isu tuntutan insurans tersebut dan akan memaklumkan kepada anggota jawatankuasa dalam masa tujuh (7) hari.

Namun, tiada sebarang maklumbalas berkaitan tuntutan insurans daripada pihak Dynaspec sehingga pihak pejabat pengurusan menerima notis tuntutan insurans melalui emel daripada pihak Tokio Marine Insurance. Perkara tersebut tidak pernah dibawa untuk dibincang, dibentang dan/atau diminit dalam mana-mana mesyuarat anggota jawatankuasa.

Encik Ramesh juga memaklumkan bahawa telah menerima permohonan pertukaran bumbung daripada dua (2) pemilik unit yang terlibat dan tindakan perlu diambil dengan kadar segera.

Encik Michael Jude memaklumkan kepada anggota jawatankuasa bahawa pihak pengurusan telah berjaya berhubung dengan pembekal kepingan atap bumbung yang asal, Onduline Building Materials (M) Sdn Bhd, yang mengilang dan membekalkan bahan tersebut. Pihak Onduline telah melawat ke tempat kejadian dan menjalankan pemeriksaan.

Pihak Onduline telah menawarkan sebut harga berkaitan kepingan atap bumbung kepada pihak pengurusan. Namun begitu, syarikat tersebut hanya membekalkan bahan dan pihak pengurusan perlu mendapatkan kontraktor bagi tujuan pemasangan atap bumbung tersebut.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Bekenaan kontraktor pemasangan, Encik Ramesh dimaklumkan oleh pejabat pengurusan bahawa telah menerima satu (1) sebut harga melibatkan kerja pemasangan.

a) Sebut Harga Bahan

1. Onduline Building Materials (M) Sdn Bhd (Rujukan Sebut Harga bertarikh 16.06.2022)

- Onduline Classic Roofing Sheet – RM36.30 sekeping
(L2000mm x W960mm x 3mm thickness)
- Onduline Standard Ridges – RM22.00 sekeping
(1000mm x 485mm x 3mm thickness)
- Onduline Speedy Screw – RM35.20 sebungkus/100pcs
(70mm x 3.5mm x 3mm thickness)

Jumlah bahan dicadangkan untuk setiap unit (tertakluk kepada size bumbung):

- a. Roofing sheet – 84 keping
- b. Ridges – 7 keping
- c. Speedy screw – 15 bungkus
(15 tahun jaminan kilang-butiran terperinci sila rujuk kepada sebut harga)

Anggaran kos bahan setiap unit: RM 3,750.00



b) Sebut Harga Pemasangan

1. Wawasan HK Enterprise (Rujukan Sebut Harga: 2452)

- a. Kos upah mengeluarkan kepingan atap bumbung lama;
- b. Kos upah pemasangan; dan
- c. Membekalkan tong sampah pembuangan sisa.
(Anggaran masa pemasangan: 2-4 hari seunit)


Jumlah kos pemasangan seunit: RM3,300.00

Encik Michael Jude merujuk kepada tawaran harga Dyanspec Sdn Bhd yang menggunakan bahan "metal deck" berbanding dengan bahan bumbung Onduline, pihak pengurusan boleh menjimatkan kos dan menggunakan bahan lebih berkualiti dengan tempoh jaminan yang sama seperti yang diberikan untuk material 'metal deck'. Perbelanjaan yang diijmatkan adalah sebanyak **RM750.00** setiap unit dan jumlah besar keseluruhan adalah sebanyak **RM13,500.00** (anggaran).



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my



Cadangan (A)

Encik Lim Soon Cheong mencadangkan menarik balik perlantikan Dyanspec Sdn Bhd sebagai kontraktor dalam isu bumbung tersebut. Cadangan disokong oleh Encik Ng Wai Ket dan Encik Wan Muhammad Khairul Anwar.

Cadangan (B)

Encik Wan Muhammad Khairul Anwar mencadangkan kepada anggota jawatankuasa supaya membuat keputusan dengan kadar segera memandangkan keadaan kebocoran bumbung yang semakin teruk. Beberapa penduduk yang terbabit juga telah membuat laporan dan meminta kerja-kerja penggantian dilakukan dengan seberapa segera yang mungkin. Masalah ini telah membazirkan banyak masa serta menambahkan kesusahan penduduk setiap unit yang terlibat.

Ketetapan

- Keputusan telah dibuat sebulat suara oleh anggota jawatankuasa:
 - a) Membeli bahan bumbung dari syarikat Onduline Building Materials (M) Sdn Bhd;
 - b) Melantik syarikat Wawasan HK Enterprise sebagai kontraktor untuk mengendalikan kerja-kerja pemasangan;
 - c) Segala kos perbelanjaan pertukaran bumbung bagi unit-unit terlibat menggunakan dana Akaun Wang Penjelas (Sinking Fund) JMB MC Amansiara. Jumlah anggaran kos perbelanjaan untuk keseluruhan 18 unit adalah RM126,900.00.
- Surat pesanan pembelian dikeluarkan kepada Onduline Building Materials (M) Sdn Bhd bagi tempahan bahan diperlukan.
- Syarikat Dynaspec Sdn Bhd telah ditarik balik sebagai kontraktor dalam hal kebocoran bumbung dengan serta merta.

2. Isu Berbangkit

A. Kewangan

Encik Ramesh mengimbas kembali berkenaan akaun kewangan bagi tahun berakhir 2021 yang telah bersedia dibentangkan bersama anggota jawatankuasa dan diauditkan memandangkan masa dah menjelang pertengahan tahun.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Seperti yang dicadangkan oleh Encik Lim Soon Cheong pada mesyuarat anggota jawatankuasa yang lepas untuk melantik juruaudit bertauliah baru dalam hal tersebut. Namun, tiada maklumbalas dari mana-mana firma audit berkenaan perkara tersebut.

Encik Wan Muhammad Khairul Anwar mencadangkan kepada anggota jawatankuasa melantik semula juruaudit sedia ada dalam mengendalikan akaun kewangan tersebut. Antara sebab utama ialah firma audit sedia ada telah menjalankan kerja audit akaun JMB MC Amansiara pada satu jangka masa yang lama dan juruaudit tersebut lebih memahami cara pengurusan perakaunan tersebut.

Penutup

Encik Ramesh mengucapkan terima kasih kepada anggota jawatankuasa yang sudi meluangkan masa untuk menghadiri mesyuarat. Mesyuarat ditamatkan pada jam 10.00 malam.

Disediakan oleh,

(Michael Jude)
Setiausaha JMB MC Amansiara

Diluluskan oleh:

(Ramesh A/L Sandiran)
Pengerusi JMB MC Amansiara

